

PILIHANRAYA-RUMAH MALAYSIA

(1)

1182

KUALA LUMPUR, 23 APRIL (BERNAMA) -- +SAYA MINTA MAAF LAH,+  
DEMIKIAN UCAPAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD  
BILA TIMBALANNYA DATUK MUSA HITAM MENGUCAP TAHNIAH KEPADANYA SETELAH  
BELIAU BERJAYA MENGEKALKAN KERUSI PARLIMENNYA DI KUBANG PASU.

PERDANA MENTERI SEOLAH-OLAH BERSENDA BAHAWA JIKA BELIAU TELAH  
KALAH, SUDAH TENTU DATUK MUSA YANG MENANG TANPA BERTANDING DI PANTI  
AKAN MENJADI PERDANA MENTERI YANG BARU.

UNGGAPANNYA TELAH MEMBUAT ORANGRAMAI YANG BERKUMPUL DI RUMAH  
MALAYSIA DI JALAN AMPANG DI SINI KETAWA BESAR.

SEBELUM ITU, DATUK MUSA TELAH MENGALUNG DATUK SERI DR. MAHATHIR  
DENGAN SELEPANG BIRU YANG TERTULIS SLOGAN BARISAN NASIONAL IAITU  
+BERSIH, CEKAP DAN AMANAH.+

PERDANA MENTERI KEMUDIAN DIJULANG. BERITA KEMENANGAN DATUK SERI  
DR. MAHATHIR DIPEROLEHI PADA KIRA-KIRA PUKUL 3.45 MALAM. BELIAU  
MENGALAHKAN TIMBALAN YANG DIPERTUA AGUNG PAS HAJI YUSOF RAWA DENGAN  
KELEBIHAN 15,761 UNDI. -- BERSAMBUNG 1150/SZ

B963

PILIHANRAYA-RUMAH MALAYSIA 2 KUALA LUMPUR

DATIN SERI DR. SITI HASMAH TERPAKSA MENOLAK-NOLAK ORANGRAMAI  
YANG MENERUMUNI PERDANA MENTERI UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA  
SUAMINYA.

MENTERI PELAJARAN DATUK DR. SULAIMAN DAUD MENGAMBIL KESEMPATAN  
UNTUK MENGALUNG DATUK MUSA DENGAN SELEPANG YANG SERUPA.

SELEPAS ITU, SAMBIL DISERTAI OLEH BEBERAPA ORANG PARA PEGAWAI  
PARTI YANG LAIN, BELIAU MENJULANG DATUK MUSA DENGAN DATUK SERI DR.  
MAHATHIR BERIA-RIA MENGUNJUK TANGANNYA UNTUK MENGUCAP TAHNIAH  
KEPADA TIMBALANNYA.

SAAT-SAAT YANG PALING GEMBIRA DI RUMAH MALAYSIA IALAH BILA  
MENDENGAR BAHAWA YANG DIPERTUA AGUNG PAS DATUK HAJI MOHAMED ASRI  
TELAH KALAH DI NILAM PURI DAN KEKALAHAN SETIAUSAHA AGUNG DAP ENCIK  
LIM KIT SIANG DI KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI KAWASAN BANDAR HILIR,  
MELAKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGUSUK DATUK MUSA TIAP-TIAP KALI  
DIUMUMKAN KEMENANGAN DENGAN MAJORITI BESAR YANG DICATAT DI JOHOR.  
BARISAN NASIONAL MEMENANGI KESEMUA KERUSI DI JOHOR SEPERTI YANG  
DIJANJIKAN OLEH DATUK MUSA. -- BERSAMBUNG 1155/SZ

PILIHANRAYA-RUMAH MALAYSIA 3 KUALA LUMPUR

EMPAT BUAH PETI TELEVISYEN DIPASANG DI RUMAH MALAYSIA UNTUK  
MENYALUR DAN MEMAPARKAN KEPUTUSAN PILIHANRAYA.

BILA KEPUTUSAN-KEPUTUSAN DITERIMA, SETIAUSAHA SULIT DATUK MUSA,  
ENCIK AZMI BIN HAJI JAAFAR DAN PEGAWAI PERHUBUNGAN AKHBARNYA ENCIK  
DAHLAN RAHMAN BERTINDAK SEBAGAI JURUHEBAH MENGUMUMKAN KEPUTUSAN-  
KEPUTUSAN ITU.

PERDANA MENTERI DAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH, DATUK MUSA DAN  
DATIN MARIA BERLEPAS PULANG KIRA-KIRA PUKUL 8 PAGI INI SELEPAS  
BERADA SEJAK PETANG SEMALAM DI RUMAH MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK AKAN PERGI BEKERJA  
HARI INI. -- BERNAMA 1158/SZ